

# Qalam

Bilangan 42- Januari 1954- Rabiulawal 1373- 60 Sen

## Kongres Persuratan Melayu

Pada 1 dan 2 Januari ini Kongres Persuratan Melayu yang kedua akan selamat bersidang di Seremban melanjutkan usaha Kongres yang pertama bersidang di Singapura pada tahun 1952 yang lalu.

Sebagaimana yang lazim bagi menyesuaikan taraf kongres yang demikian besarnya yang dihadiri oleh badan-badan persuratan dan kebudayaan dari seluruh Tanah Melayu, tentulah pula perkara-perkara yang akan dijadikan ketetapan kongres itu besar-besarnya belaka dan berkehendak kepada kebijaksanaan dan timbangan serta penyelidikan yang rapi.

Menurut yang telah terbang kepada kita bahawa perkara yang besar sekali yang akan dibincangkan pada hari itu ialah soal bahasa Melayu. Sudah barang tentu tiap-tiap seorang Melayu tidak redha melihat bahasanya dikebelakangkan seperti keadaannya yang sedang berjalan sekarang ini. Meskipun bahasa Melayu dikatakan telah dirasmikan di samping bahasa Inggeris. Tetapi pada amalnya tidak nampak, bahasa Melayu masih berada dalam darjat yang kedua berbanding dengan bahasa Inggeris yang menjadi bahasa rasmi Tanah Melayu pada serba serbinya.

Sebenarnya soal kedaulatan bahasa Melayu adalah berkait kepada darjat pelajaran sekolah-sekolah Melayu. Sekolah-sekolah menengah yang menggunakan bahasa Melayu menjadi bahasa semua pelajarannya dan bahasa Inggeris hanya sebagai suatu perkara yang diajar di dalamnya hendaklah didirikan

merata-rata Tanah Melayu dan Singapura. Dengan wujudnya sekolah-sekolah menengah Melayu ni maka bahasa Melayu bukan sahaja dapat berdiri sama tegak dan duduk sama rendah dengan bahasa Inggeris, bahkan dengan mudahnya akan dapat menjadi bahasa rasmi yang tunggal bagi negeri Malaya merdeka kelak.

\*

## Undang-undang Islam Jangan Diganggu

Undang-undang Islam yang diturunkan oleh Allah adalah lengkap sempurna menjadi undang-undang hidup yang membawa bahagia dan sejahtera.

Undang-undang Islam telah teratur dengan sempurna dan terbentang di dalam kitab Allah al-Quran al-Karim dan Sunnah Nabi kita Muhammad ﷺ 'alaihi wa sallam-al-Ḥadīth al-Sharīf.

Undang-undang Islam telah diistinabatkan dan dihuraikan oleh ulama-ulama Islam yang kebilangannya di dalam kitab-kitab Islam yang muktabar. Hukum-hukum 'ibādāt, mu'āmalāt, munākahāt, dan jenayah sudah teratur dengan kemasnya.

Undang-undang Islam tidak boleh diubah dan ditukar kitanya dengan undang-undang buatan manusia. Orang-orang Islam yang mengubah dan menukar ganti undang-undang Tuhan telah dicop oleh Tuhan di dalam al-Quran bahawa mereka itu ialah orang-orang yang pasak, zalim dan kafir.

Di dalam hadis al-Sharīf telah diterangkan oleh junjungan (SAW) bahawa perkara yang halal itu jelas nyata dan perkara yang haram itu jelas nyata.

Kesucian hukum-hukum Islam-semenjak dahulu lagi -tidak putus-putusnya menurut berbagai-bagai rancangan hendak dicerobohi dan ditodi oleh seteru-seteru Islam dan orang-orang munafik yang bertopeng Islam.

Hukum-hukum munākahāt atau undang-undang perkahwinan di dalam Islam pun tidak terlepas dari angkara seteru-seteru Islam di Singapura berbagai-bagai rancangan telah timbul makna

soal perkahwinan orang Islam.

Baharu-baharu ini Majlis Wanita Singapura yang dipimpin oleh Nyonya Syirin Pozar telah menganjurkan suatu rang undang-undang perkahwinan maknai sekalian penduduk tanah jajahan Singapura. Undang-undang gubalan "Majlis Wanita Singapura" itu melarang kaum lelaki berbilang isteri dan mengenakan hukuman tujuh tahun penjara atas tiap-tiap seorang yang beristeri lebih daripada satu. Khabarnya Nyonya Syirin pemimpin Majlis Wanita akan meminta ulama Singapura mempertunjukkannya dan setelah itu akan dimajukannya kepada kerajaan.

Qalam sangat berbesar hati kerana sebaik-baik sahaja tuntutan Majlis Wanita itu tersiar beritanya maka pertubuhan-pertubuhan Islam dan badan-badan alim ulama dari merata-rata semenanjung telah tampil membantah rancangan karut yang bukan sahaja hendak memansuhkan hukum Islam bahkan hendak mengharamkan perkara yang telah dihalalkan oleh Allah dan Rasul-Nya.

Sebagaimana undang-undang had umur di bawah 16 tahun yang hendak mengikat orang-orang Islam dahulu telah terkandas kerana menerima tentangan keras dari kaum muslimin di sini, maka rancangan yang baharu timbul ini, kita percaya, akan menerima tentangan yang lebih keras dari segenap umat Islam. Bukan kerana hendak mempertahankan orang-orang yang suka berbilang isteri, kerana golongan ini tidak banyak dalam masyarakat kita, tetapi kerana rancangan "Majlis Wanita Singapura" ini hendak mencerooboh hukum Islam yang telah ditetapkan dan dihalalkan oleh Allah dan Rasul-Nya.

Tetapi siapa dia Nyonya Syirin Pozar yang mendirikan "Majlis Wanita Singapura" dan menganjurkan tuntutan yang karut itu?

Sepanjang yang diketahui Yubasyirin ialah seorang yang bermazhab Bahā'ī iaitu suatu mazhab yang terkeluar dari lingkungan Islam (baca asal usul mazhab ini di dalam Qalam bilangan Julai 1952).

Kaum Bahā'ī sebagaimana yang diketahui adalah bertujuan hendak merosakkan ajaran-ajaran Islam dan menodai kehormatannya, kerana mereka- sebagaimana kaum Qadyani juga- ada mempunyai Nabi sendiri dan kitab sendiri; selain daripada Nabi Muhammad shallā Allāh 'alaihi wa sallam selain daripada kitab suci al-Quran al-Karīm.

#### Hubaya-hubaya! Angkara Musuh Islam!

Saya Qasim bin Haji Junid tinggal di nombor 75 Greenhill Road Singapura suka dan dengan inilah mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan kegemaran saya kepada usaha dan ikhtiar Tuan Tabib Mustaffa menyembuhkan penyakit



buasir yang telah saya mengidap selama tiga tahun dengan tiada memutangnya. Sesiapa yang berpenyakit buasir silalah dapatkan:



**TABIB H. G. MUSTAFFA,**  
PUNJAB MEDICAL HALL,  
280, Victoria Street,  
Singapore 7.